

Graduan IPT Islam didakwa kurang laris

# 50,000 lagi masih menganggur

**KANGAR** – Isu pengangguran graduan didakwa lebih terasa di kalangan lepasan pusat-pusat pengajian tinggi berteraskan Islam dengan dianggarkan 50,000 orang masih lagi tidak mempunyai pekerjaan.

Kumpulan penganggur itu pula dikatakan bukan sahaja memegang diploma dan ijazah pengajian Islam tetapi juga membabitkan bidang pengajian strategik seperti kejuruteraan awam, syariah dan matematik.

Fakta itu didedahkan oleh Pengerusi Institut Kerjasama Islam Antarabangsa Malaysia (IKIAM), Datuk Zahidi Zainul Abidin dengan menganggap ia kesan daripada sikap pilih kasih sesetengah majikan yang mengutamakan graduan institusi pengajian tinggi konvensional dan swasta.

“Kumpulan ini jika tidak dibantu mungkin mengambil jalan singkat dengan menyertai gerakan atau kumpulan berfahaman tidak sihat,” katanya kepada pemberita di Hotel Putra Palace di sini kelmarin.

Beliau mendakwa memperoleh angka graduan menganggur itu daripada Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan Baitulmal sejak lima tahun lalu.

Zahidi menarik perhatian bahawa angka pengangguran itu terus bertambah dengan purata 6,000 graduan baru setiap tahun.

Sementara itu di **Kuala Lumpur**, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan menafikan majikan bersikap prejudis dengan memberi contoh kepada lulusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang majori-

## Info Universiti dan Kolej Islam

- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
- Kolej Islam Antarabangsa
- Kolej Islam Sultan Alam Shah
- Kolej Islam Sains dan Teknologi
- Kolej Universiti Islam Melaka
- Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS)
- Kolej Pengajian Islam Johor

tinya memperoleh pekerjaan.

“Apa yang mungkin berlaku ialah siswazah itu tidak dibentuk untuk pasaran pekerjaan, dan ini termasuk sesetengah lulusan agama,” katanya ketika dihubungi semalam.

Timbalan Rektor (Akademik dan Pembangunan Mahasiswa), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Mohd. Khairi Hussin turut menafikan ramai graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT) Islam menganggur dengan memberi contoh sebanyak 75 peratus hingga 90 peratus lulusan mereka



**WALAUPUN UIAM** melaksanakan sistem pengajian berteraskan Islam, majoriti daripada graduan mereka tetap berjaya memperoleh pekerjaan. – Gambar hiasan.

berjaya memperoleh pekerjaan.

Naib Canselor Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Prof. Emiritus Datuk Dr. Mohd. Yusoff Hashim pula berkata, hampir 90 peratus

graduan mereka mendapat pekerjaan.

“Tidak timbul soal graduan mangsa pilih kasih sebab kita gabungkan pengajian Islam dan konvensional,” ujarnya.